

<b>Headline</b>	<b>Kontroversi pembinaan Empangan Tembeling</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>10 Apr 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>107,609</b>	<b>Readership</b>	<b>322,827</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Page No</b>	<b>13</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>906 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>SAHIDAN JAAFAR</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 54,213</b>		


**■ BAHAGIAN PERTAMA**

Oleh SAHIDAN JAAFAR

PROJEK pembinaan empangan hidro-elektrik Tembeling di Sungai Tembeling yang letaknya hanya kira-kira 4.8 kilometer di Taman Negara, Kuala Tahan di Jerantut, Pahang menjadi isu kontroversi sejak awal 1970-an lagi.

Projek itu mencetuskan kontroversi apabila sepasukan penyelidik dari Australia dan Rusia mengkaji projek pembinaan empangan itu untuk menyalurkan bekalan elektrik ke seluruh Pahang yang masih kettinggalan dalam pelbagai aspek pembangunan.

Malah, kerajaan menegaskan tetap mempertahankan projek bermilai jutaan ringgit itu demi kelangsungan pembangunan untuk rakyat yang belum menikmati bekalan elektrik terutama penduduk kampung di pedalaman seperti di Jerantut, Kuala Lipis, Raub, Temerloh, Maran, Kuantan dan Pekan.

Akhbar *Utusan Malaysia* menjuarai isu itu menerusi laporan bersiri oleh wartawan Rosnah Majid yang membuat pendedahan mengenai kesan-kesan pembinaan Empangan Tembeling terhadap aspek ekologi alam sekitar dan manusiaan.


Laporan bahagian pertama bertajuk "Pro dan Kontra Mengenai Empangan Tembeling" disiaran oleh *Utusan Malaysia* pada 1 Mac 1982 disusuli bahagian kedua artikel, "Antara Nilai Kemanusiaan dan Nilai Material" disiaran pada 2 Mac 1982.

Ruangan *Bisik-Bisik* oleh Awang Selamat pada 1 Mac 1982, halaman empat menyatakan: "*Utusan Malaysia* hari ini menyiarangkan bahagian pertama laporan khas mengenai Empangan Tembeling di Negeri Pahang. Ada yang menyokong dengan hujah bahawa kita mahu pembangunan untuk faedah rakyat dan negara. Dan ada yang menentang atas alasan rancangan itu mencemarkan keindahan alam sekitar dan sebagainya.

"Itukalah juga cerita mengenai orang kampung yang rumah-rumah mereka akan ditenggelami air manakala rancangan itu dilaksanakan. Serupa ke masalahnya seperti pembinaan Empangan Aswan di Mesir? Awang - menyiarangkan pendapat pro dan kontra. - Awang Selamat".

Rosnah Majid menulis: "Pembangunan mesti diberi keutamaan dan kerajaan akan memastikan mengambil

## Kontroversi pembinaan Empangan Tembeling



Pemandangan menarik pada waktu senja di tebing sungai Kampung Gusul, Hulu Tembeling, Pahang.



PERAHU berenjin sekian lama menjadi nadi pengangkutan penduduk di Hulu Tembeling di Taman Negara Jerantut, Pahang.

Akhbar *Utusan Malaysia* menjuarai isu itu menerusi laporan bersiri oleh wartawan Rosnah Majid yang membuat pendedahan mengenai kesan-kesan pembinaan Empangan Tembeling terhadap ekologi alam sekitar dan kemanusiaan.

perkiraan berat dari segi kesan-kesan yang akan menimpa Taman Negara menerusi kajian mendalam oleh Lembaga Elektrik Negara demikian jawapan daripada kerajaan (*Utusan Malaysia* 1 Mac 1982).

Rosnah turut meminta pendapat ahli ekologi yang menya-

takan pembinaan Empangan Tembeling bakal memusnahkan Taman negara yang merupakan syurga kepada kehidupan margastu dan hidupan liar dan hutan hujan berusia jutaan tahun yang tidak akan dapat ditemui lagi.

"Empangan Tembeling

akan menjadi pembuka jalan kepada pembalakan hutan dari di kawasan sekitar Sungai Tembeling yang akan memberi kesan ekologi yang sangat buruk kepada alam, tumbuh-tumbuhan, binatang dan manusia sendiri," kata ahli ekologi (*Utusan Malaysia* 1 Mac 1982).

Rosnah turut memetik pendapat ahli sejarawan Pahang yang kesal kerana projek Empangan Tembeling itu bakal memusnahkan kesan-kesan sejarah di negeri Tok Gajah itu.

"Empangan Tembeling yang membantasi beberapa kampung di Ulu Tembeling akan menghapuskan kesan-kesan sejarah di kawasan itu yang merupakan kawasan perempuan Datuk Bahaman dan Mat Kilau semasa menentang Inggeris dahulu" kata pula ahli sejarah (*Utusan Malaysia* 1 Mac 1982).

Menurut Rosnah, penduduk dan rakyat di negeri itu khususnya di Ulu Tembeling tidak mendapat kefahaman yang mendalam berhubung kesan-kesan baik dan buruk akibat pembinaan projek elektrik hidro itu lantaran masalah perhubungan yang sukar, hanya boleh dihubungi menerusi pengangkutan bot dan perahu di Sungai Tembeling.

Rosnah menulis: "Perhubungan yang sangat sukar, hanya menerusi sungai terpaksa memakan masa dua hari untuk pergi sahaja dari Kampung Bantal ke Kuala Tembeling yang jauhnya kira-kira 130 kilometer, tidak memungkinkan penduduk di daerah Ulu

Tembeling mendapat surat kabar setiap hari.

"Beberapa keluarga mempunyai televisyen tetapi pernadaan gambar dan suara tidak begitu baik. Sementara radio pula sering menghadapi gangguan suara" (*Utusan Malaysia* 1 Mac 1982).

\* ESOK: Rosnah Majid menang Anugerah Kajai pertama

**MOMEN & MEMORI**


AKHBAR *Utusan Malaysia* pada 1 dan 2 Mac 1982 bertajuk "Pro dan kontra mengenai empangan Tembeling".

Sumber: Pusat Maklumat Utusan